



INDIGENOUS FEST 2019
PERATURAN PERTANDINGAN
CONGKAK/AWAL'E

2. PENGELOLA

Kejohanan ini dikelolakan oleh **SPORTS DEVELOPMENT CENTRE (SDC)**

3. FORMAT PERTANDINGAN

3.1 Bagi tujuan pertandingan ini papan congkak yang digunakan mengandungi **14 rumah** anak dan **2 rumah ibu**. Setiap rumah anak mengandungi **7 biji** guli dan jumlah keluruhan guli yang ada di dalam semua rumah anak ialah **98 biji**. Seorang pengadil pertandingan akan mengadili permainan setiap papan.

3.2 Pertandingan akan dijalankan berpandukan kepada undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Dalam keadaan tertentu di mana tidak dinyatakan dalam undang-undang Kejohanan ini, sebarang kekeliruan dan masalah akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pengelola dan keputusan Jawatankuasa Pengelola adalah dikira sebagai **MUKTAMAD**.

3.2 Setiap pasukan perlu mempunyai 2 peserta, 1 peserta simpanan dan 1 peserta daripada pelajar International.

4. PERATURAN PERTANDINGAN

4.1 Pertandingan akan dijalankan sebanyak **6** papan serentak dan Bermain selama 5 minit sahaja.

4.2 Undang-undang dan peraturan yang telah digariskan sebagai panduan dalam pertandingan congkak adalah seperti berikut :-

Cara Permainan dijalankan:

- a. Dua (2) orang pemain akan berhadapan menggunakan satu papan congkak yang mengandungi empat belas rumah anak dan dua rumah ibu.
- b. Pada papan pertama kedua-dua pemain memulakan permainan secara serentak.
- c. Memulakan permainan dengan mengambil semua buah dari mana-mana rumah anak dan menapak dari kanan ke kiri.
- d. Memasukkan buah satu demi satu ke dalam setiap rumah dengan mengelilingi kampong rumah papan congkak.

- e. Genggaman tangan hendaklah secara tengadah.
 - f. Pemain hanya boleh **menikam** pihak lawan setelah membuat **1 pusingan**.
 - g. Boleh memintas lawan tetapi melangkau rumah anak adalah ditegah. Apabila tiba di rumah ibu sendiri hendaklah memasukkan satu biji buah tetapi tidak di rumah ibu lawan. Buah yang termasuk ke dalam rumah ibu lawan adalah menjadi kepunyaan lawan.
 - h. Buah terakhir masuk ke rumah yang akan diisi mestilah dilepaskan dari genggaman dahulu sebelum mengambil buah-buah yang lain.
 - i. Peserta mati giliran jalan jika buah akhir masuk kemana-mana rumah kosong. Peserta lawan akan mendapat giliran jalan.
- 4.3 Permainan dijalankan secara kalah keluar. Pemenang akan ke pusingan seterusnya.
- 4.4 Permainan hendaklah dijalankan secara sederhana, tidak terlalu cepat.
- 4.5 Pemain diberikan masa 3 saat untuk mengambil buah dari setiap rumah.
- 4.6 Pemain hendaklah menunjukkan buah kepada pengadil apabila tinggal 2 biji di dalam tangannya.
- 4.7 Apabila pemain telah meletakkan tangannya di salah satu dari mana-mana rumah, dia mestilah terus mengambil buahnya tanpa menukar ke rumah lain.
- 4.8 Pemain yang melanggar peraturan setelah diberi amaran sebanyak 3 kali, akan dibatalkan permainannya. Lawannya akan diisytiharkan sebagai pemenang. Keputusan pengadil adalah muktamad.
- 4.9 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut susunan jadual yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 4.10 Semua pasukan yang dijadualkan untuk bermain mestilah berada di gelanggang permainan **lima (5) minit** sebelum perlawanan dimulakan. Sekiranya selepas **lima (5) minit** jadual perlawanan sepatutnya dimulakan, salah satu pasukan tidak menghadirkan diri, kemenangan percuma akan diberi kepada pasukan yang hadir.

5. PEMBERIAN MATA DAN PENENTUAN KEMENANGAN

5.1 Pertandingan akan dijalankan secara berkumpulan dan pemenang ditentukan mengikut sistem mata yang diperolehi oleh pemain-pemain dalam pertandingan tersebut. Pengiraan bagi menentukan mata adalah seperti berikut:-

5.1.1 Menang - 3 mata

5.1.2 Seri - 1 mata

5.1.2 Kalah - 0 mata

5.1 Jika berlaku lebih dari satu pasukan mendapat mata yang sama dan layak untuk ke pusingan seterusnya, maka pasukan yang menang buah akan dikira sebagai pemenang.

5.2 Penentuan ke separuh akhir akan ditentukan melalui johan kumpulan A bertemu naib johan kumpulan B dan naib johan kumpulan A bertemu johan kumpulan B dan pasukan yang menang mara ke akhir.

6. PAKAIAN

Semua pemain mestilah memakai pakaian tradisional yang sesuai. Pakai yang seragam bagi setiap pasukan bertanding adalah digalakkan. Pakaian yang menjolok mata adalah dilarang sama sekali.

7. PENGADILAN

Pengadilan akan dibuat oleh satu (1) orang pengadil yang akan dilantik bagi mengadili satu-satu perlawanan. Pengadil yang akan dilantik oleh Jawatankuasa Penganjur adalah pengadil bebas semasa pertandingan diadakan kelak.

